

**SENARAI SEKURITI LULUS SYARIAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA  
KE ARAH KRITERIA TAHAP ANTARABANGSA**

**Azizi Abu Bakar**

Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah;  
**E-mail** : abazizi@uum.edu.my; **Tel** : 04-928 5022/019- 411 1771, **Faks** : 04-928 5761;  
**Tahap Pengajian** : Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

**Dr. Atikullah Abdullah**

Bahagian Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang;  
**E-mel**: atik@usm.my; **Tel**: 04-6533867; **Faks**: 04-6570918

Keharmonian ekonomi merupakan salah satu faktor kebahagiaan manusia. Keharmonian yang hakiki dunia dan akhirat adalah didasari oleh aktiviti-aktiviti ekonomi yang berlandaskan ajaran Islam yang diterangkan menerusi al-Quran serta al-Hadith. Para Sarjana berkewajipan mengkaji aktiviti-aktiviti ekonomi seperti pelaburan dan sebagainya lagi agar bertepatan dengan ajaran Islam. Di Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan lebih tepatnya Majlis Penasihat Syariahnya merupakan institusi yang dipertanggungjawabkan dalam memikul tanggungjawab ini. Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai kriteria yang digunakan dalam penurasan sesebuah sekuriti itu sehinggalah diklasifikasikan sebagai lulus Syariah ataupun sebaliknya serta kemampuan kriteria ini untuk mencapai kriteria bertaraf dunia. Antara fokus kandungannya ialah bagaimana modal, aktiviti utama sesebuah sekuriti itu dinilai selain daripada faktor apabila berlakunya percampuran aktiviti halal dan haram dalam sesebuah sekuriti serta perubahan status daripada halal kepada haram dalam tempoh pelaburan berlangsung. Kertas kerja ini menunjukkan bahawa pengklasifikasian status sama ada lulus Syariah atau tidaknya sesebuah sekuriti itu lebih bergantung kepada faktor *ijtihad* serta survival ekonomi masyarakat Islam itu sendiri.